

PENYERAHAN SUMBANGAN KOPERASI TENTERA OLEH AKS TADBIR KEPADA PESAKIT TUDM

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4205-penyerahan-sumbangan-koperasi-tentera-oleh-aks-tadbir-kepada-pesakit-tudm

KINRARA, 3 Dis 18 - AKS Tadbir, Brig Jen Dato' Ahmad bin Abd Rahman TUDM selaku salah seorang Anggota Lembaga Koperasi Tentera menyampaikan sumbangan khas Koperasi Tentera kepada Adik Nur Ameera Syahira yang mengalami masalah jantung,percakapan dan pendengaran. Adik Nur Ameera merupakan anak kepada pasangan Provos INSMAT, Kpl U Mohd Firdaus bin Osman dan Kpl U (W) Nor Rizan binti Ahmad.



AKS Tadbir juga menyampaikan sumbangan tambahan dari Tabung Kebajikan TUDM dan Kelab Sukan Sosial dan Kebajikan Angkatan Tentera (KSSKA) kepada Adik Nur Ameera. Lawatan ini turut disertai oleh Pegawai Memerintah INSMAT, Lt Kol Mohd Amran bin Yaakob TUDM, pegawai-pegawai, staf dan ahli BAKAT INSMAT. Semoga sumbangan yang diberi membantu meringankan beban kewangan keluarga berkaitan urusan rawatan Adik Nur Ameera.